

30 OCT 2003

Jazirah-Mahathir

DR MAHATHIR BERJAYA BAWA KELUAR M'SIA DARIPADA KEMUNDURAN

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah pemimpin Islam dan negarawan terbilang yang telah berjaya membawa Malaysia keluar daripada kemunduran, dan kini ia menghampiri tahap negara maju.

Pengarang akhbar Al-Jazirah di Riyadh, Arab Saudi, Jaser Abdul Aziz Al-Jaser berkata Dr Mahathir telah berjaya menjadikan Malaysia sebagai pemimpin negara-negara membangun dan malah digelar Pemimpin Singa Asia.

Dalam lidah pengarang akhbar itu, Jaser berkata Dr Mahathir adalah pemimpin yang bukan sahaja disayangi rakyat Malaysia malah turut dikagumi oleh negara-negara rantau Asia Tenggara dan negara Islam lain.

"Dr Mahathir yang mencatat rekod bersih dalam arena politik dan pemikiran telah mengembangkan toleransi dan semangat saling memahami di negaranya. Ini telah dianggap contoh oleh negara-negara Asia Tenggara," katanya.

Malah, di bawah pimpinan Dr Mahathir telah wujud suasana aman damai di Malaysia tanpa sebarang unsur perkauman walaupun masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum.

Dr Mahathir telah menjadikan Malaysia sebuah negara pengamal demokrasi contoh, kata Jaser.

Beliau berkata Malaysia telah berjaya mendahului negara-negara lain termasuk Eropah dan Amerika dalam persaingan global malah telah menjadi sebuah negara tunggal yang meraikan pelbagai perayaan dan hari tertentu untuk semua bangsa.

"Bukan hanya meraikan perayaan bangsa Melayu/Islam malah Cina dan India dengan penuh semangat persaudaraan dan persefahaman, sesuatu yang tidak pernah wujud di negara lain," katanya.

Dr Mahathir yang bakal berundur dengan rela hati akan menjadi satu kayu ukur dalam menggariskan kriteria pemimpin Islam dalam era yang serba ketandusan pemimpin Islam.

"Kita mengharapkan supaya idea dan usaha beliau diteruskan demi menyelamatkan dunia Islam daripada krisis yang sedia ada ini di samping berdoa semoga beliau digolongkan di kalangan pemimpin Islam yang sentiasa mencari jalan penyelesaian demi menghindarkan dunia Islam daripada sebarang bahaya," katanya.

-- BERNAMA

MUN AHH PR